


Tahap Kesiediaan Guru Sejarah Sekolah Rendah dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah

(Readiness Level of Primary School History Teachers in Implementing Classroom Assessment)

Ambiga A/P Chandran^{1*}, Anuar Ahmad²

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Email: p144748@siswa.ukm.edu.my

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Email: anuarmd@ukm.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Ambiga A/P Chandran
(p144748@siswa.ukm.edu.my)

KATA KUNCI:

Pentaksiran Bilik Darjah
Kesiediaan guru
Latihan profesional
Sekolah rendah
Sejarah

KEYWORDS:

Classroom Assessment
Teacher readiness
Professional training
Primary school
History

CITATION:

Ambiga, C., & Anuar, A. (2026). Tahap Kesiediaan Guru Sejarah Sekolah Rendah dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 11(2), e003796. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v11i2.3796>

ABSTRAK

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan komponen penting dalam sistem pendidikan Malaysia yang menekankan penilaian berterusan terhadap perkembangan murid. Walau bagaimanapun, pelaksanaan PBD dalam mata pelajaran Sejarah masih menghadapi cabaran termasuklah kekangan kemahiran pentaksiran, latihan profesional dan beban kerja. Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap kesiediaan guru Sejarah sekolah rendah dalam melaksanakan PBD, meneliti perbezaannya berdasarkan faktor demografi (jantina, tahap pendidikan dan pengalaman mengajar) serta menganalisis hubungan antara tahap kesiediaan guru dengan latihan profesional. Kajian kuantitatif ini menggunakan soal selidik yang diedarkan kepada 169 guru Sejarah sekolah rendah di daerah Johor Bahru. Data dianalisis menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) melalui analisis deskriptif, ujian-t bebas, ANOVA sehalu dan korelasi Pearson. Keputusan menunjukkan bahawa tiada perbezaan signifikan dalam tahap kesiediaan guru berdasarkan jantina ($p = 0.296$). Sebaliknya, terdapat perbezaan signifikan berdasarkan tahap pendidikan dan pengalaman mengajar ($p < 0.001$). Analisis post hoc Games-Howell mendapati bahawa guru berkelulusan Diploma Pendidikan kurang bersedia berbanding guru berkelulusan lebih tinggi. Guru dengan pengalaman 5–10 tahun serta melebihi 15 tahun juga didapati lebih bersedia berbanding guru dengan pengalaman kurang daripada 5 tahun. Selain itu, terdapat hubungan positif yang kuat dan signifikan antara latihan profesional dengan tahap kesiediaan guru ($r = 0.835$, $p < 0.001$). Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa latihan profesional merupakan faktor penting dalam meningkatkan kesiediaan guru melaksanakan PBD. Justeru, kajian ini memberikan implikasi penting kepada pihak pentadbir dan pembuat

dasar dalam memperkukuh pelaksanaan program latihan dan sokongan profesional yang berkualiti bagi guru Sejarah di sekolah rendah.

ABSTRACT

Classroom Assessment (*Pentaksiran Bilik Darjah*, PBD) is an important component of the Malaysian education system that emphasizes continuous assessment of students' development. However, the implementation of PBD in History subjects still faces challenges, including limitations in assessment skills, professional training, and workload. This study aimed to examine primary school History teachers' readiness in implementing PBD and differences based on gender, education level, teaching experience as well as its relationship with professional training. This quantitative study used a questionnaire distributed to 169 primary school History teachers in the Johor Bahru district. Data were analyzed using SPSS through descriptive statistics, independent samples t-test, one-way ANOVA and Pearson correlation. The findings showed no significant difference in teachers' readiness based on gender ($p = 0.296$). However, significant differences were found based on education level and teaching experience ($p < 0.001$). Post hoc Games-Howell analysis revealed that teachers with a Diploma in Education were less ready compared to those with higher academic qualifications. Teachers with 5–10 years of teaching experience and those with more than 15 years of experience were more ready than teachers with less than five years of experience. Furthermore, a strong and significant positive relationship was identified between professional training and teachers' readiness to implement Classroom Assessment ($r = 0.835$, $p < 0.001$). These findings highlight professional training as a key factor in enhancing teachers' readiness and provide important implications for strengthening high-quality professional support programs for primary school History teachers.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang kepada literatur pentaksiran dengan menyediakan analisis empirikal mengenai kesediaan guru Sejarah sekolah rendah dalam pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah. Sumbangan utama kajian ini ialah membuktikan bahawa latihan profesional merupakan faktor dominan yang mempengaruhi tahap kesediaan guru.

1. Pengenalan

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) merupakan komponen penting dalam sistem pendidikan Malaysia yang menekankan penilaian berterusan dan holistik terhadap perkembangan murid sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Pendekatan ini bertujuan menyokong pembelajaran murid secara menyeluruh dan berpusatkan murid, sejajar dengan keperluan sistem pendidikan semasa. Namun, pelaksanaan PBD di sekolah rendah, khususnya dalam mata pelajaran Sejarah masih berhadapan dengan pelbagai cabaran. Mata pelajaran Sejarah melibatkan analisis kritikal terhadap peristiwa masa

lalu dan memerlukan pentaksiran yang bukan sahaja menilai pengetahuan fakta, malah kemahiran berfikir aras tinggi seperti menganalisis, menilai dan membuat inferens berdasarkan bukti sejarah. Keperluan ini menuntut tahap pengetahuan dan kemahiran pentaksiran yang lebih kompleks dalam kalangan guru Sejarah.

Menurut Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen, 1991), kesediaan seseorang individu untuk melaksanakan sesuatu amalan dipengaruhi oleh sikap, pengetahuan, kemahiran serta sokongan yang diterima. Dalam konteks pendidikan, tahap kesediaan guru memainkan peranan penting dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan PBD. Guru yang mempunyai sikap positif serta pengetahuan dan kemahiran yang mencukupi dijangka lebih bersedia melaksanakan PBD secara konsisten dan berkesan.

Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menilai tahap kesediaan guru Sejarah sekolah rendah dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah di daerah Johor Bahru dengan memberi tumpuan kepada empat dimensi utama iaitu pengetahuan, kemahiran, sikap dan latihan profesional. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada usaha penambahbaikan pelaksanaan PBD khususnya dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah.

1.1. Permasalahan Kajian

Walaupun Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) telah diperkenalkan sebagai pendekatan pentaksiran berterusan yang menekankan pembelajaran murid secara holistik, pelaksanaannya dalam mata pelajaran Sejarah di sekolah rendah masih belum mencapai tahap yang optimum. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa guru Sejarah berhadapan dengan kekangan dari segi latihan khusus, kemahiran pentaksiran autentik serta beban tugas yang tinggi.

Kajian oleh Fakhri dan Mohd Isha (2016) mendapati bahawa sebahagian guru Sejarah kurang dilatih dalam penggunaan instrumen pentaksiran yang mampu menilai kemahiran berfikir kritikal murid seperti penggunaan rubrik pemarkahan autentik. Kekurangan ini menyebabkan guru masih cenderung menggunakan kaedah pentaksiran yang bersifat sumatif dan berorientasikan peperiksaan yang tidak selari dengan matlamat sebenar PBD.

Selain itu, wujud jurang antara dasar pentaksiran yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan pelaksanaannya di bilik darjah khususnya dalam mata pelajaran Sejarah yang memerlukan pendekatan pentaksiran yang lebih analitikal dan reflektif. Kekurangan pendedahan serta latihan profesional yang berfokuskan konteks mata pelajaran Sejarah menimbulkan persoalan tentang tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PBD secara berkesan.

Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menilai tahap kesediaan guru Sejarah sekolah rendah dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah dengan memberi tumpuan kepada aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan latihan profesional sebagai faktor utama yang mempengaruhi pelaksanaan PBD.

1.2. Objektif kajian

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- i. Mengenal pasti tahap pengetahuan, kemahiran, sikap dan latihan profesional dalam kalangan guru Sejarah sekolah rendah terhadap pelaksanaan pentaksiran bilik darjah.
- ii. Menganalisis perbezaan tahap kesediaan guru Sejarah berdasarkan jantina, tahap pendidikan dan pengalaman mengajar dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah.
- iii. Menilai hubungan antara penyertaan dalam latihan profesional dengan tahap kesediaan guru Sejarah dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah.

2. Sorotan Literatur

2.1. Pentaksiran Bilik Darjah Dalam Pendidikan Malaysia

Pengenalan PBD adalah selaras dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013–2025 yang menekankan transformasi dalam sistem pentaksiran agar lebih autentik, formatif dan menyeluruh. Kajian oleh [Black dan Wiliam \(1998\)](#) menekankan peranan pentaksiran formatif dalam mempertingkatkan pembelajaran, manakala [Heritage \(2010\)](#) menyokong penggunaan maklum balas berasaskan pentaksiran untuk memacu pembelajaran murid.

Justeru, kesediaan guru Sejarah sekolah rendah melaksanakan PBD merupakan isu penting yang perlu diberi perhatian dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. Menurut [Faudzi \(2022\)](#), pelaksanaan PBD membolehkan guru Sejarah menilai bukan sahaja pengetahuan faktual murid tetapi juga keupayaan mereka mengaitkan peristiwa sejarah dengan kehidupan semasa serta membentuk pemikiran kritis mereka.

Namun, kejayaan pelaksanaan PBD sangat bergantung kepada kesediaan guru sebagai pelaksana utama dasar. Kajian oleh [Black dan Wiliam \(2009\)](#) menegaskan bahawa pelaksanaan pentaksiran formatif yang kurang berkesan sering berpunca daripada kefahaman konsep yang terhad serta kekurangan sokongan dan latihan yang sistematik dalam kalangan guru. Maka, memahami kesediaan guru Sejarah adalah penting untuk memastikan pelaksanaan PBD benar-benar mencapai objektifnya.

2.2. Teori Tingkah Laku Terancang Dan Assessment For Learning

Dua teori utama mendasari kajian ini iaitu Teori Tingkah Laku Terancang ([Ajzen, 1991](#)) dan pendekatan *Assessment for Learning* (AFL) ([Black & Wiliam, 2018](#)). Dalam konteks guru, ketiga-tiga faktor ini mempengaruhi sejauh mana mereka bersedia dan yakin melaksanakan PBD.

Selain itu, pendekatan Assessment for Learning (AFL) turut dijadikan asas teori kerana ia menekankan peranan guru dalam menggunakan maklum balas pentaksiran untuk menambah baik proses pembelajaran. Menurut [Black dan Wiliam \(2018\)](#), pentaksiran yang berkesan ialah pentaksiran yang digunakan untuk mempertingkatkan pembelajaran bukan sekadar mengukur hasil akhir. Gabungan kedua-dua teori ini digunakan untuk menjelaskan faktor pengetahuan, kemahiran, sikap dan latihan profesional yang mempengaruhi kesediaan guru dalam melaksanakan PBD. Walaupun teori AfL dan Tingkah Laku Terancang banyak digunakan dalam konteks pentaksiran, kajian berasaskan teori gabungan kedua-dua model ini dalam mata pelajaran Sejarah

masih terhad. Ini menimbulkan keperluan untuk meneroka kesesuaian teori tersebut dalam konteks pelaksanaan PBD di Malaysia.

2.3. Dimensi Kesediaan Guru Dalam Pelaksanaan PBD

Dalam kajian ini, kesediaan guru ditakrifkan melalui empat pembolehubah utama iaitu pengetahuan, kemahiran, sikap, dan latihan profesional. Kesediaan guru merujuk kepada tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap yang dimiliki oleh guru dalam melaksanakan tugas baharu secara berkesan, serta tahap penglibatan mereka dalam latihan profesional yang relevan untuk menyokong pelaksanaan PBD (Ng, Rahman & Surat, 2023; Khaw & Nasri, 2024). Keempat-empat pembolehubah ini merangkumi kefahaman konsep, kecekapan pelaksanaan, sikap profesional dan sokongan latihan dalam pelaksanaan PBD.

Pengetahuan dan kefahaman terhadap konsep PBD merupakan asas utama kesediaan guru. Guru perlu memahami prinsip pentaksiran formatif, kriteria keberhasilan dan teknik pentaksiran yang pelbagai seperti pemerhatian, penilaian rakan sebaya serta pentaksiran projek. Kajian oleh Khaw dan Nasri (2024) mendapati bahawa pengetahuan guru sekolah rendah terhadap konsep PBD berada pada tahap sederhana tinggi namun terdapat kekeliruan dalam aspek pelaksanaan sebenar di bilik darjah.

Selain pengetahuan, kemahiran pelaksanaan turut menjadi komponen penting dalam menentukan tahap kesediaan guru. Guru perlu mempunyai kemahiran merancang instrumen pentaksiran, membina rubrik pemarkahan, mengumpul bukti pembelajaran serta memberi maklum balas konstruktif kepada murid. Kajian oleh Bennett (2011) menunjukkan bahawa walaupun guru memahami konsep pentaksiran formatif, kekurangan kemahiran praktikal dalam mereka bentuk dan melaksanakan strategi pentaksiran yang berkesan menjadi antara cabaran utama dalam pelaksanaan di bilik darjah. Dalam kajian oleh Faudzi (2022), guru Sejarah dilaporkan mempunyai tahap kemahiran sederhana dalam merancang dan melaksanakan instrumen pentaksiran autentik seperti tugas projek dan pembentangan.

Sikap dan motivasi guru juga memainkan peranan dalam menentukan keberkesanan pelaksanaan PBD. Sikap positif terhadap dasar baharu dan keyakinan diri untuk melaksanakan perubahan adalah antara faktor utama yang menyumbang kepada kesediaan seseorang guru. Menurut kajian oleh Neziri, Kryeziu dan Avdiu-Kryeziu (2025), guru-guru yang mempunyai sikap positif terhadap amalan pentaksiran formatif melaporkan penerimaan yang tinggi terhadap strategi penilaian berterusan dan lebih cenderung melaksanakannya dalam PdP untuk mencapai hasil kurikulum secara bermakna.

Faktor sokongan sistem turut dikenal pasti sebagai pemangkin penting dalam menentukan tahap kesediaan guru. Kajian oleh Schildkamp et al. (2020) mendapati bahawa guru yang menerima latihan profesional berterusan, garis panduan yang jelas serta sokongan daripada pihak pentadbiran sekolah menunjukkan tahap kesediaan dan keberkesanan yang lebih tinggi dalam melaksanakan pentaksiran formatif di bilik darjah. Kajian oleh Darling-Hammond et al. (2017) turut menunjukkan bahawa latihan profesional yang berfokuskan aplikasi praktikal dapat meningkatkan keyakinan guru dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah.

3. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mengumpul data empirikal berkaitan tahap kesediaan guru Sejarah dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dari aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan latihan profesional. Reka bentuk kajian ialah kajian deskriptif, iaitu sesuai untuk meneroka tahap kesediaan guru dalam konteks sebenar tanpa manipulasi pemboleh ubah (McMillan & Schumacher, 2021).

Populasi kajian terdiri daripada guru Sejarah sekolah rendah yang mengajar Tahun 4 hingga Tahun 6 di daerah Johor Bahru. Populasi sebenar guru Sejarah Tahun 4 hingga Tahun 6 di daerah Johor Bahru dianggarkan berjumlah sekitar 300 orang.

Teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan di mana hanya guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah dan mempunyai pengalaman dalam melaksanakan PBD yang dipilih sebagai responden. Menurut Patton (2020), teknik ini sesuai apabila penyelidik memerlukan responden yang mempunyai ciri khusus. Saiz sampel yang dipilih ialah 169 orang guru iaitu melebihi jumlah minimum 118 responden seperti yang disyorkan oleh Krejcie dan Morgan (1970) bagi populasi sekitar 300 guru. Kriteria inklusi kajian melibatkan guru Sejarah Tahun 4 hingga Tahun 6 yang terlibat secara langsung dengan pelaksanaan PBD, manakala guru bukan Sejarah dan guru sekolah menengah dikecualikan daripada kajian ini.

Soal selidik digunakan sebagai instrumen utama untuk mengukur tahap kesediaan guru dalam empat konstruk: pengetahuan, kemahiran, sikap dan latihan profesional. Item soal selidik dibina berdasarkan konstruk kajian dan disesuaikan dengan konteks pelaksanaan PBD dalam mata pelajaran Sejarah. Soal selidik mengandungi lima bahagian menggunakan skala Likert lima mata bagi mendapatkan maklum balas yang lebih terperinci daripada responden (Zikmund et al., 2020).

Ujian rintis dijalankan terhadap 20 guru Sejarah sekolah rendah yang tidak termasuk dalam sampel sebenar. Ujian ini memastikan kefahaman dan kesesuaian item. Instrumen menjalani kesahan kandungan melalui tiga orang panel pakar yang terdiri daripada pensyarah pendidikan, pakar pentaksiran dan Ketua Panitia Sejarah. Kebolehpercayaan instrumen diuji menggunakan pekali Cronbach's Alpha dan semua konstruk mencatatkan nilai melebihi 0.70, selaras dengan piawaian yang dicadangkan oleh Sekaran dan Bougie (2016). Dapatan ini menunjukkan bahawa instrumen kajian adalah stabil dan sesuai digunakan dalam kajian sebenar.

Pengumpulan data dilakukan menggunakan soal selidik yang direka khas bagi mengukur tahap kesediaan guru Sejarah dalam melaksanakan PBD berdasarkan aspek pengetahuan, kemahiran, sikap dan latihan profesional. Pertama, penyelidik mengedarkan pautan soal selidik Google Forms kepada guru melalui e-mel rasmi serta kumpulan WhatsApp profesional guru Sejarah. Kajian ini telah mendapat kelulusan etika daripada Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Semua responden telah memberikan persetujuan dimaklumkan sebelum penyertaan dan identiti mereka dirahsiakan sepenuhnya.

Analisis data dalam kajian ini menggunakan pendekatan statistik deskriptif dan inferensi untuk menjawab persoalan kajian. Data kajian dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) versi 27.0. Statistik deskriptif melibatkan analisis frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai bagi menggambarkan

profil responden serta tahap kesediaan guru Sejarah dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) berdasarkan konstruk pengetahuan, kemahiran, sikap dan latihan profesional. Tafsiran skor min dibuat berdasarkan kategori yang dicadangkan oleh Nunnally dan Bernstein (1994).

Statistik inferensial pula melibatkan ujian-t bebas bagi menilai perbezaan tahap kesediaan guru berdasarkan jantina, analisis ANOVA sehalu bagi menilai perbezaan berdasarkan tahap pendidikan dan pengalaman mengajar, serta analisis korelasi Pearson bagi menilai hubungan antara latihan profesional dan tahap kesediaan guru dalam melaksanakan PBD.

4 Hasil Kajian

4.1. Demografi Responden

Kajian ini melibatkan seramai 169 orang guru Sejarah sekolah rendah. Secara umum, responden terdiri daripada majoriti guru perempuan, berada dalam lingkungan umur pertengahan kerjaya, mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda dan Sarjana, serta majoritinya merupakan guru opsyen Sejarah. Kebanyakan responden mempunyai pengalaman mengajar melebihi lima tahun dan bertugas di sekolah bandar, manakala dari segi latihan PBD, majoriti pernah mengikuti latihan sekurang-kurangnya sekali.

4.2. Tahap Pengetahuan Guru Sejarah Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah

Analisis statistik deskriptif menunjukkan bahawa tahap pengetahuan guru Sejarah terhadap pelaksanaan PBD berada pada tahap tinggi. Seperti yang ditunjukkan dalam [Jadual 1](#), kesemua dimensi pengetahuan mencatatkan nilai min melebihi 4.20. Dimensi pengetahuan asas PBD merekodkan min tertinggi ($M = 4.31$, $SP = 0.559$) menunjukkan bahawa guru memahami konsep, tujuan serta kepentingan PBD dalam meningkatkan pembelajaran murid Sejarah. Dimensi kurikulum dan instrumen pentaksiran turut berada pada tahap tinggi ($M = 4.22$, $SP = 0.661$) manakala dimensi teknikal pentaksiran merekodkan min 4.23 ($SP = 0.631$).

Jadual 1: Tahap Pengetahuan guru terhadap pelaksanaan PBD

No	Konstruk	Nilai Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1.	Pengetahuan Asas PBD	4.31	0.559	Tinggi
2.	Kurikulum & Instrumen	4.22	0.661	Tinggi
3.	Teknikal Pentaksiran	4.23	0.631	Tinggi
4.	Pengurusan Evidens	4.27	0.652	Tinggi
	Keseluruhan	4.26	0.626	Tinggi

4.3. Tahap Kemahiran Guru Sejarah Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah

[Jadual 2](#) menunjukkan bahawa tahap kemahiran guru Sejarah dalam melaksanakan PBD berada pada tahap tinggi dengan nilai min keseluruhan 4.22 ($SP = 0.595$). Dimensi pembinaan instrumen pentaksiran merekodkan min 4.21 ($SP = 0.558$) menunjukkan

bahawa guru mahir membina instrumen dan rubrik pemarkahan yang sesuai dengan mata pelajaran Sejarah.

Selain itu, dimensi pelaksanaan kaedah pentaksiran mencatatkan min tertinggi ($M = 4.23$, $SP = 0.603$), menunjukkan guru mampu menggunakan pelbagai kaedah pentaksiran seperti pemerhatian, projek dan menilai pembentangan murid. Dimensi penilaian dan penyesuaian kaedah pentaksiran turut berada pada tahap tinggi ($M = 4.21$, $SP = 0.618$), mencerminkan keupayaan guru menilai kemahiran pemikiran sejarah murid serta menyesuaikan pentaksiran mengikut tahap murid.

Jadual 2: Tahap Kemahiran guru terhadap pelaksanaan PBD

No	Konstruk	Nilai Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1.	Pembinaan Instrumen	4.21	0.558	Tinggi
2.	Kaedah Pelaksanaan	4.23	0.603	Tinggi
3.	Penilaian	4.21	0.618	Tinggi
4.	Rekod & Maklum Balas	4.21	0.621	Tinggi
5.	Teknologi PBD	4.25	0.575	Tinggi
	Keseluruhan	4.22	0.595	Tinggi

4.4. Tahap Sikap Guru Sejarah Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah

Nilai min dan sisihan piawai bagi setiap dimensi sikap dipaparkan dalam [Jadual 3](#). Analisis statistik deskriptif menunjukkan bahawa sikap guru Sejarah terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) berada pada tahap tinggi dengan nilai min keseluruhan melebihi 4.20. Dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti guru mempunyai keyakinan yang tinggi dalam melaksanakan PBD dan menunjukkan sikap positif terhadap pelaksanaannya dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah. Guru turut bersetuju bahawa PBD membantu meningkatkan kefahaman murid serta memberikan gambaran yang lebih autentik dan menyeluruh tentang tahap pencapaian sebenar murid.

Sikap positif ini juga menunjukkan kesediaan psikologi dan profesional guru untuk mengadaptasi perubahan daripada pentaksiran berorientasikan peperiksaan kepada pentaksiran formatif dan berpusatkan murid.

Jadual 3: Tahap Sikap guru terhadap pelaksanaan PBD

No	Konstruk	Nilai Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1.	Keyakinan & Sikap Positif	4.15	0.625	Tinggi
2.	Kepercayaan Keberkesanan	4.12	0.640	Tinggi
3.	Komitmen Profesional	4.09	0.665	Tinggi
4.	Refleksi & Penambahbaikan	4.14	0.570	Tinggi
5.	Persepsi Beban Tugas	4.02	0.748	Tinggi
	Keseluruhan	4.10	0.650	Tinggi

4.5. Tahap Latihan Profesional Guru Dalam Melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah

Perincian dapatan berkaitan latihan profesional ditunjukkan dalam [Jadual 4](#). Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap latihan profesional guru Sejarah berkaitan PBD berada pada tahap tinggi, dengan nilai min berada sekitar julat 4.25 hingga 4.33. Majoriti guru menyatakan bahawa mereka pernah menghadiri latihan berkaitan Pentaksiran Bilik Darjah dan latihan tersebut membantu meningkatkan pemahaman serta kemahiran mereka dalam melaksanakan PBD khususnya dari segi kefahaman konsep, penggunaan instrumen dan pelaksanaan pentaksiran formatif.

Jadual 4: Latihan Profesional guru PBD

No	Konstruk	Nilai Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1.	Pendedahan & Akses Latihan	4.29	0.578	Tinggi
2.	Keberkesanan Latihan	4.25	0.560	Tinggi
3.	Kecukupan & Kesesuaian	4.26	0.630	Tinggi
4.	Sokongan Selepas Latihan	4.29	0.571	Tinggi
5.	Keperluan & Keyakinan	4.33	0.573	Tinggi
	Keseluruhan	4.28	0.582	Tinggi

Sebahagian guru berpendapat latihan yang diterima adalah terhad dari segi kekerapan, tempoh dan pengkhususan kepada mata pelajaran Sejarah. Guru turut menyatakan keperluan kepada latihan lanjutan yang lebih bersifat praktikal seperti pembinaan instrumen pentaksiran Sejarah, penggunaan rubrik dan pemberian maklum balas yang berkesan.

4.6. Perbezaan Tahap Kesediaan Guru Berdasarkan Faktor Demografi

Keputusan ujian-t dan ANOVA bagi faktor demografi diringkaskan dalam [Jadual 5](#). Analisis inferensi dijalankan bagi menilai perbezaan tahap kesediaan guru Sejarah dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) berdasarkan faktor demografi, iaitu jantina, tahap pendidikan dan pengalaman mengajar. Ujian-t bebas digunakan untuk menganalisis perbezaan berdasarkan jantina manakala analisis ANOVA sehala digunakan untuk menilai perbezaan berdasarkan tahap pendidikan dan pengalaman mengajar.

Jadual 5 : Analisis Perbezaan Tahap Kesediaan Guru Berdasarkan Faktor Demografi

Faktor Demografi	Ujian	Statistik	Sig.
Jantina	Ujian-t	$t(167) = 1.049$	0.296
Tahap Pendidikan	ANOVA	$F(3,165) = 15.832$	< 0.001
Pengalaman Mengajar	ANOVA	$F(3,165) = 12.727$	< 0.001

Keputusan ujian-t bebas menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan dalam tahap kesediaan guru Sejarah berdasarkan jantina, $t(167) = 1.049$, $p = 0.296$. Sebaliknya, analisis ANOVA sehala mendapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kesediaan guru berdasarkan tahap pendidikan, $F(3,165) = 15.832$, $p < 0.001$. Analisis pasca hoc Games-Howell menunjukkan perbezaan signifikan antara kumpulan kelulusan akademik.

Selain itu, analisis ANOVA sehalal turut menunjukkan bahawa pengalaman mengajar membezakan tahap kesediaan guru secara signifikan, $F(3,165) = 12.727$, $p < 0.001$. Analisis pasca hoc menunjukkan perbezaan signifikan antara kumpulan pengalaman mengajar.

4.7. Hubungan Antara Latihan Profesional Dan Tahap Kesediaan Guru

Keputusan analisis korelasi Pearson dipaparkan dalam [Jadual 6](#). Analisis korelasi Pearson dijalankan bagi menilai hubungan antara latihan profesional berkaitan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dengan tahap kesediaan guru Sejarah dalam melaksanakan PBD. Keputusan analisis menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif, kuat dan signifikan antara latihan profesional dengan tahap kesediaan guru, $r = 0.835$, $p < 0.001$. Dapatan ini menunjukkan bahawa guru yang menerima latihan profesional yang menyeluruh dan berterusan cenderung mempunyai tahap kesediaan yang lebih tinggi dalam melaksanakan PBD. Hipotesis Nol (H_{02}) adalah ditolak.

Jadual 6: Analisis Korelasi Pearson antara Latihan Profesional dan Tahap Kesediaan Guru

Pembolehubah	r	Sig.
Latihan Profesional – Tahap Kesediaan	0.835	< 0.001

5. Perbincangan

Kajian ini bertujuan menilai tahap kesediaan guru Sejarah sekolah rendah dalam melaksanakan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) serta meneliti perbezaan tahap kesediaan berdasarkan faktor demografi dan hubungannya dengan latihan profesional. Dapatan analisis deskriptif menunjukkan bahawa tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap guru terhadap PBD berada pada tahap tinggi, manakala latihan profesional juga berada pada tahap tinggi namun masih memerlukan penambahbaikan dari segi kekerapan, tempoh dan pengkhususan kepada mata pelajaran Sejarah. Walau bagaimanapun, dapatan ini juga mencerminkan bahawa latihan profesional masih perlu diperkukuhkan bagi memastikan kesediaan guru dapat dikekalkan dan ditingkatkan secara berterusan.

Dari segi perbezaan demografi, kajian ini mendapati bahawa jantina tidak mempengaruhi tahap kesediaan guru Sejarah secara signifikan. Dapatan ini menunjukkan bahawa kesediaan untuk melaksanakan PBD adalah tanggungjawab profesional yang dikongsi oleh semua guru tanpa mengira perbezaan jantina. Sebaliknya, tahap pendidikan dan pengalaman mengajar didapati membezakan tahap kesediaan guru secara signifikan. Guru yang memiliki kelulusan akademik lebih tinggi serta pengalaman mengajar yang lebih lama menunjukkan tahap kesediaan yang lebih tinggi berbanding guru yang kurang berpengalaman atau berkelulusan lebih rendah. Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh pendedahan yang lebih luas terhadap latihan, refleksi pedagogi dan pengalaman praktikal dalam mentafsir serta menggunakan maklumat pentaksiran.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa latihan profesional mempunyai hubungan yang positif, kuat dan signifikan dengan tahap kesediaan guru Sejarah dalam melaksanakan PBD. Hubungan yang kuat ini menegaskan bahawa latihan profesional merupakan faktor utama yang mempengaruhi kesediaan guru. Guru yang menerima

latihan yang kerap, relevan dan bersifat praktikal didapati lebih bersedia dari segi pengetahuan, kemahiran dan keyakinan untuk melaksanakan PBD secara berkesan.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesediaan guru Sejarah dalam melaksanakan PBD merupakan hasil gabungan antara latar belakang akademik, pengalaman profesional dan sokongan latihan yang diterima. Oleh itu, usaha memperkukuhkan latihan profesional perlu diberi perhatian bagi memastikan pelaksanaan PBD dapat dilaksanakan secara konsisten dan berkualiti di sekolah.

6. Kesimpulan

Kajian ini mendapati tahap kesediaan guru Sejarah sekolah rendah terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah berada pada tahap tinggi secara keseluruhan. Perbezaan signifikan muncul mengikut tahap pendidikan dan pengalaman. Guru berkelulusan Diploma Pendidikan didapati kurang bersedia berbanding guru sarjana muda atau lebih tinggi, manakala guru berpengalaman 5–10 tahun dan >15 tahun menunjukkan kesediaan lebih tinggi berbanding guru kurang 5 tahun. Selain itu, terdapat korelasi positif yang sangat kuat antara latihan profesional dan tahap kesediaan guru, menunjukkan guru yang diberi latihan berterusan dan praktikal lebih yakin dan sedia melaksanakan PBD. Secara keseluruhannya, faktor akademik (kelulusan, pengalaman) dan sokongan latihan profesional terbukti mempengaruhi tahap kesediaan guru. Dapatan ini menegaskan bahawa latihan profesional yang berkualiti adalah pemangkin utama untuk meningkatkan kesediaan guru Sejarah melaksanakan pentaksiran bilik darjah dengan berkesan.

Hasil kajian mencadangkan agar pihak pentadbiran sekolah dan pembuat dasar pendidikan memperkukuh program latihan berfokus aspek PBD khusus untuk guru Sejarah sekolah rendah. Sebagai contoh, Kementerian Pendidikan dan pengelola latihan guru boleh merancang modul latihan yang lebih khusus (contohnya, penyediaan rubrik, amali pentaksiran berasaskan projek) dan memastikan program berulang secara berkala. Pengurus sekolah pula digalakkan untuk menyediakan sokongan berterusan seperti sesi bengkel dalam sekolah dan mentor pentaksiran bagi meningkatkan keyakinan guru. Dengan memusatkan perhatian kepada latihan dan sokongan pengajaran, kesediaan guru untuk melaksanakan PBD dijangka meningkat dan memberi manfaat kepada pencapaian murid secara menyeluruh.

Kajian akan datang boleh meneroka punca di sebalik perbezaan kesediaan mengikut tahap pendidikan dan pengalaman. Sebagai contoh, kajian kualitatif lanjut (temu ramah/kumpulan fokus) boleh meneliti faktor motivasi, beban kerja atau struktur latihan yang mempengaruhi guru Sejarah. Selain itu, memperluas skop kajian ke negeri-negeri lain atau mata pelajaran berlainan dapat memberi gambaran lebih meluas. Penyelidikan lanjut juga disarankan menilai impak program latihan profesional tertentu terhadap amalan penilaian guru dan hasil pembelajaran murid. Dengan cara ini, garis panduan dan polisi pendidikan boleh terus dipertingkatkan berdasarkan bukti empirikal yang lebih mendalam.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Kajian ini telah mendapat kelulusan etika daripada Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Penyertaan responden adalah secara sukarela dan persetujuan dimaklumkan telah diperolehi sebelum pengumpulan data dijalankan. Identiti responden dirahsiakan dan segala maklumat digunakan semata-mata untuk tujuan akademik.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru, pihak pentadbiran sekolah serta semua guru Sejarah sekolah rendah yang terlibat sebagai responden dalam kajian ini atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.

Kewangan (*Funding*)

Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan daripada mana-mana agensi awam, komersial atau organisasi bukan berasaskan keuntungan.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan dalam menjalankan kajian ini.

Rujukan

- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Bennett, R. E. (2011). Formative assessment: A critical review. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 18(1), 5–25. <https://doi.org/10.1080/0969594X.2010.513678>
- Black, P., & Wiliam, D. (1998). Assessment and classroom learning. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice*, 5(1), 7–74. <https://doi.org/10.1080/0969595980050102>
- Black, P., & Wiliam, D. (2009). Developing the theory of formative assessment. *Educational Assessment, Evaluation and Accountability*, 21(1), 5–31. <https://doi.org/10.1007/s11092-008-9068-5>
- Black, P., & Wiliam, D. (2018). Classroom assessment and pedagogy. *Assessment in Education: Principles, Policy and Practice*, 25(6), 551–575. <https://doi.org/10.1080/0969594X.2018.1441807>
- Darling-Hammond, L., Hyler, M. E., & Gardner, M. (2017). *Effective teacher professional development* (Research Brief). Learning Policy Institute. <https://learningpolicyinstitute.org/product/effective-teacher-professional-development-report>
- Fakhri, A., & Mohd Isha, M. (2016). Pengetahuan dan kemahiran guru Sejarah dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah. *Jurnal Kurikulum dan Pengajaran Asia Pasifik*, 4(2), 35–45. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/EJOSS/article/view/87/69>

- Faudzi, N. H. M., & Ahmad, A. (2022). The readiness of history teachers to implement classroom assessment in teaching and learning. *Proceedings of the International Conference on Business and Education (ICBE)*, March 2022. <https://www.icbe.my/wp-content/uploads/2022/04/Manuscript-ICBE-Nurul-Huda-1-2.pdf>
- Heritage, M. (2010). *Formative assessment: Making it happen in the classroom*. Corwin Press.
- Khaw, K. X., & Nasri, N. M. (2024). The readiness level of primary school teachers towards the implementation of Classroom-Based Assessment (PBD). *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*, 13(4), 1789–1796. <https://doi.org/10.6007/IJARPED/v13-i4/23224>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- McMillan, J. H., & Schumacher, S. (2021). *Research in education: Evidence-based inquiry (8th ed.)*. Pearson Education.
- Neziri, M., Kryeziu, V., & Avdiu-Kryeziu, S. (2025). Teachers' attitudes from experience regarding formative assessment in achieving curricular outcomes in primary education. *Human Research in Rehabilitation*, 15(2), 423–438. <https://doi.org/10.21554/hrr.092515>
- Ng, P. J., Rahman, S., & Surat, D. (2023). Tahap pengetahuan, kemahiran dan kesediaan guru terhadap pelaksanaan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002339. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2339>
- Nunnally, J. C., & Bernstein, I. H. (1994). *Psychometric theory* (3rd ed.). McGraw-Hill.
- Patton, M. Q. (2020). *Qualitative research & evaluation methods (4th ed.)*. SAGE Publications.
- Schildkamp, K., van der Kleij, F. M., Heitink, M. C., Kippers, W. B., & Veldkamp, B. P. (2020). Formative assessment: A systematic review of critical teacher prerequisites for classroom practice. *International Journal of Educational Research*, 103, 101602. <https://doi.org/10.1016/j.ijer.2020.101602>
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research methods for business: A skill-building approach (7th ed.)*. John Wiley & Sons.
- Zikmund, W. G., Babin, B. J., Carr, J. C., & Griffin, M. (2020). *Business research methods (10th ed.)*. Cengage Learning.